



**PANDUAN PEPERIKSAAN  
MEMASUKI PERKHIDMATAN**

**PENOLONG PENGUASA BOMBA  
GRED KB29**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN MEMASUKI PERKHIDMATAN  
PENOLONG PENGUASA BOMBA GRED KB29**

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Pada hari peperiksaan calon hendaklah membawa:
  - a. Surat panggilan menduduki peperiksaan;
  - b. Kad pengenalan
  - c. Alat tulis; pensel 2B, pen, pembaris, pemadam dan peralatan lain yang difikirkan perlu.
2. Calon perlu mematuhi arahan Ketua Pengawas.
3. Calon perlu berada di pusat peperiksaan **tiga puluh (30) minit** sebelum peperiksaan bermula.
4. Calon dilarang berkomunikasi sesama sendiri. Angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
5. Calon hanya boleh meninggalkan Pusat Peperiksaan **tiga puluh (30) minit** selepas peperiksaan dimulakan.
6. Calon mesti kenal pasti pusat peperiksaan sehari sebelum hari peperiksaan.
7. Calon mesti berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata.
8. Calon hanya dibenarkan meninggalkan pusat peperiksaan apabila diarah oleh Ketua Pengawas.

**PANDUAN UMUM KEPADA CALON**

Peperiksaan ini mengandungi **satu (1)** bahagian iaitu :

Bahagian I - Kecenderungan

**BAHAGIAN I - KECENDERUNGAN**

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** seksyen :

Seksyen A - Pengetahuan Am  
Seksyen B - Daya Menyelesaikan Masalah

## Seksyen A - Pengetahuan Am

Dalam seksyen ini, calon dikehendaki mengetahui secara umum berkenaan hal-hal yang berkaitan dengan urusan dan hal ehwal kebombaan, pengurusan sumber ekonomi & kewangan, pengurusan teknologi maklumat & komunikasi, undang-undang, bidang sains, bidang sosial, bidang sukan, bidang agama dan lain-lain perkembangan semasa.

Item yang disediakan mempunyai cakupan yang luas. Item akan ditarafkan kepada pengetahuan am yang sepatutnya diketahui oleh rakyat Malaysia. Calon yang peka dengan perkembangan dunia melalui IT dan teknologi semasa, suratkhbar, majalah dan buku-buku akan dapat menjawab soalan yang dikemukakan.

Tujuan seksyen ini untuk menguji daya kesedaran calon terhadap perkara yang berlaku di dunia pada amnya dan Malaysia khususnya.

Masa : 40 minit  
Bilangan Soalan : 50 (aneka pilihan)  
Markah : 50

### CONTOH SOALAN :

Berikut merupakan bahan *accelerent* yang sering menjadi punca kebakaran **kecuali**

- A spirit.
- B diesel.
- C petrol.
- D **detergent.**

## Seksyen B - Daya Menyelesaikan Masalah

Seksyen ini mengukur daya menyelesaikan masalah calon dengan menggunakan item-item yang berkonsepkan perkara-perkara berikut:

- (i) Kemahiran Logik;
- (ii) Kemahiran Menginterpretasi data; dan
- (iii) Konsep Matematik.

### **(i)Kemahiran Logik**

Dalam seksyen ini calon dikehendaki menggunakan kemahiran logik untuk memilih jawapan yang tepat atau mengenal pasti jawapan yang salah.

### **(ii)Kemahiran Menginterpretasi Data**

Beberapa masalah akan dikemukakan menggunakan pelbagai perangkaan dan calon dikehendaki menganalisa data-data tersebut untuk menyelesaikannya. Bagi memudahkan calon menjawab, penggunaan graf, jadual dan sebagainya digalakkan.




**(iii)Konsep Matematik**

Konsep Matematik yang digunakan termasuklah kemahiran numeric serta kuantitatif untuk mengukur kemahiran asas Matematik, pemahaman konsep dan kebolehan untuk berfikir secara kuantitatif. Asas-asas Matematik yang digunakan adalah tidak melebihi sukatan pelajaran tingkatan 5 (Sijil Pelajaran Malaysia).

Masa : 45 minit  
Bilangan Soalan : 40 (aneka pilihan)  
Markah : 50

**CONTOH SOALAN :**

Piktograf dibawah menunjukkan jualan komputer bagi syarikat P, Q, R dan S, pada bulan September.

<b>P</b>	
<b>Q</b>	
<b>R</b>	
<b>S</b>	

 mewakili 8 komputer

Jualan komputer bagi empat syarikat itu pada bulan Oktober meningkat 25% daripada jumlah jualan bulan September. Pada bulan Oktober, 48 komputer telah dijual oleh syarikat P dan jualan komputer syarikat Q adalah dua kali dari syarikat R. Jualan syarikat R adalah sama dengan syarikat S. Hitung bilangan komputer yang dijual oleh syarikat Q pada bulan Oktober.

- A 24
- B 38
- C 42
- D 76